

| | | | |
|------------|-------------------------------------|-------------|---------------------|
| Headline | SPNB komited bina rumah mampu milik | | |
| MediaTitle | Sinar Harian | | |
| Date | 26 Mar 2017 | Color | Full Color |
| Section | Nasional | Circulation | 160,000 |
| Page No | 51 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 763 cm ² |
| Journalist | Razif Rosli | AdValue | RM 13,015 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 39,045 |



RAZIF ROSLI

SUNGGAI PETANI - Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) yang ditubuhkan kerajaan pada 1997 terus komited menjadi peneraju utama dalam memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana termasuk belia untuk memiliki kediaman sendiri.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan SPNB, Datuk Ahmad Azizi Ali berkata, SPNB mengorak langkah dalam memastikan rakyat negara ini tetap mampu memiliki rumah walau dalam keadaan ekonomi yang mencabar ketika ini.

Menurutnya, SPNB terus mengekalkan momentum penjualan kediamannya malah kejayaan menyiapkan projek Rumah Idaman Rakyat (RIR) Taman Universiti Jaya (TUJ) Fasa 2A, tiga bulan lebih awal daripada ia dijadualkan siap merupakan satu kejayaan yang membanggakan.

Katanya, projek perumahan TUJ Fasa 2A di Semeling itu menerima pengiktirafan Sistem Penilaian Kualiti Hasil Kerja Binaan (QLASSIC).

"Projek ini telah melalui satu sistem piawaian dalam industri pembinaan selain memberi jaminan kepada orang awam bahawa projek pembinaan yang dijalankan menepati kehendak yang diukur melalui mutu kerja.

"Berdasarkan kepada penilaian QLASSIC ini, kualiti kerja projek ini pada tahap terbaik malah membuktikan SPNB antara pemaju yang dipercayai dan setanding dengan pemaju lain dalam lapangan sama dalam negara," katanya.

Mengulas lanjut, Ahmad Azizi berkata, kejayaan SPNB Idaman Sdn Bhd (SISB), anak syarikat milik penuh SPNB, menyiapkan TUJ Fasa 2A lebih awal membuktikan kesungguhan SPNB memastikan aspirasi kerajaan berjalan lancar.

"TUJ Fasa 2A merupakan projek pertama yang dibangunkan oleh SISB, yang ditubuh-



TUJ Fasa 2A yang telah siap sepenuhnya di Semeling menerima pengiktirafan Sistem Penilaian Kualiti Hasil Kerja Binaan (QLASSIC).

SPNB komited bina rumah mampu milik

kan pada tahun 2014 sebagai menyambut pengumuman Program RIR oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam ucapan bajet tahun 2014. Kerajaan telah menyalurkan sebanyak RM83 juta kepada SPNB sebagai facilitation fund untuk membina 3,000 unit RIR di seluruh Malaysia melalui kerjasama dengan kerajaan negeri.

"Dengan kejayaan sulung SISB ini, jumlah keseluruhan perumahan SPNB yang telah disiapkan ialah 92,536 unit bermula dari tahun 1997 manakala 14, 906 unit pula dalam proses pembinaan di seluruh negara," katanya.

Katanya, TUJ Fasa 2A melibatkan pembangunan 104 unit rumah teres setingkat kos sederhana berkeluasan 1,160 kaki persegi (kps) (20' x 45') dengan harga jualan bermula RM136, 000 seunit.

Tambahnya lagi, kejayaan TUJ Fasa 2A itu juga bakal menyaksikan pelancaran Fasa 2B yang dijangkakan akan dimulakan pembinaannya pada suku ketiga tahun ini.

"Fasa 2B mempunyai komposisi yang berbeza dari Fasa 2A dan terdiri daripada 146 unit teres setingkat (20' x 65') dengan keluasan 1, 160 kaki persegi yang akan dijual pada harga bermula dari RM138, 600.

"Kita menjangkakan Fasa 2B juga akan dapat sambutan menggalakkan kerana harganya berada dalam lingkungan yang sangat mampu dimiliki dan inilah tujuan RIR diwujudkan untuk menyediakan rumah yang mampu dimiliki oleh golongan sasar dan berkualiti menerusi pemilikan kediaman yang sempurna kepada rakyat," katanya.

Ahmad Azizi berkata, setelah 20 tahun penubuhannya, SPNB masih kekal dengan objektif yang sama



Info TUJ Fasa 2A.

tetapi kini meliputi ruang yang lebih luas kerana keperluan rumah selesai dan mampu milik dirasai golongan berpendapatan rendah dan sederhana.

"Halikat yang kita tidak boleh nafikan, kebanyakan harga rumah di Malaysia terutamanya di bandar tidak mampu dimiliki oleh kedua-dua golongan ini atas pelbagai sebab. Meskipun isu pemilikan rumah ini bukan terletak pada harga rumah semata-mata, namun ia adalah salah satu penyebab utama.

"Sehubungan itu, menjadi tanggungjawab SPNB untuk menawarkan rumah di bawah harga pasaran namun ia bukanlah perkara yang mudah untuk dicapai kerana kami terpaksa lupakan impian untuk membuat keuntungan besar seperti pemaju-pemaju lain. Usaha ini

juga menuntut komitmen yang berterusan dari semua pihak terutamanya kerajaan pusat dan kerajaan negeri," katanya.

Mengulas lanjut, Ahmad Azizi berkata, sesuai dengan slogan "Perumahan Untuk Semua", SPNB menyediakan perumahan yang komprehensif memenuhi keperluan semua golongan.

"Kita akan terus meletakkan aspek kepuasan dan keselesaan pembeli sebagai keutamaan meskipun rumah ditawarkan pada harga lebih murah.

"Namun apa yang penting, walaupun SPNB menawarkan perumahan pada kadar yang lebih rendah berbanding pasaran, SPNB amat menitikberatkan faktor kualiti dalam pembinaan rumah yang ditawarkan kepada pembeli," katanya.



AHMAD AZIZI



Taman permainan kanak-kanak TUJ Fasa 2A